

POIC Sabah: Tiada kepentingan negeri dikompromi

KOTA KINABALU: Tiada kepentingan negeri akan dikompromi dalam proses membawa masuk pelaburan asing yang amat diperlukan.

Jaminan ini diberikan oleh POIC Sabah Sdn Bhd yang baru-baru ini menjadi tajuk utama beberapa akhbar berhubung potensi pelaburan RM1.3 bilion petrokimia yang akan datang ke tapak projeknya di Lahad Datu.

Cadangan pelaburan oleh Burel Industries dari Switzerland bersama rakan kongsi dari Arab Saudi dan China itu melahirkan banyak respon daripada pelbagai pihak di mana, akhbar bisnes The Edge menulis 'RM13 bil petrochemical project in Lahad Datu raises eyebrows' (projek petrokimia RM1.3 bilion di Lahad Datu melahirkan persoalan).

Burel bercadang membawa masuk naphtha, satu produk sampingan dalam pemprosesan petroleum, dari Arab Saudi ke Lahad Datu untuk diproses kepada varieti produk ethylene, termasuklah polymers bagi pasaran antarabangsa.

Ketua Pegawai Eksekutif POIC Sabah Datuk Dr Pang Teck Wai berkata tiada persoalan mengenai syarikat asing atau projek bernilai RM1.3 bilion, atau ada syarikat 'mendapat' projek besar dan tidak seimbang bersama syarikat milik kerajaan negeri itu.

"Kita adalah pembangun kluster industri sawit Lahad Datu dan pihak yang mempromosi industri ini.

"Burel dan rakan kongsinya akan mencari sendiri sumber kewangan itu dan disebabkan usaha gigih kita mereka menunjukkan banyak kemajuan... semua itu adalah pelaburan mereka. Mereka akan menyewa tanah yang diperlukan daripada pihak kita," jelasnya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mengenai pertikaian The Edge bahawa POIC Lahad Datu, dari segi logistik, bukanlah satu lokasi ideal untuk mewujudkan loji petrokimia, Pang berkata beliau percaya pihak Burel tahu apa yang terbaik dilakukan dalam pelaburan mereka dan sudah pasti telah mempertimbangkan mengenai isu logistik.

Terletak di sepanjang pantai timur Borneo, pelabuhan POIC merupakan penhubung utama yang semakin bertumbuh dan penting bagi perjalanan laut antara Lombok-Makassar.

Dalam jangkaan potensinya itu, POIC Sabah telah mendapat sokongan kerajaan negeri dan Persekutuan untuk membina infrastruktur pelabuhan komprehensif yang dilengkapi terminal untuk kapal kontena dan kapal kargo pengangkut cecair. Sebahagian daripada kemudahan berkenaan sudah beroperasi sejak 2013.